

## **Mahathir hadiri perjumpaan bersama pimpinan Bersatu Sabah**

**Malaysiakini**

**17 September 2019**

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perjumpaan bersama pimpinan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Sabah di sini.

Perjumpaan secara tertutup itu turut dihadiri Pengerusi Pimpinan Bersatu Sabah Datuk Hajiji Mohd Noor dan Timbalan Presiden Bersatu Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir.

Ia turut membabitkan perjumpaan dengan Ketua-Ketua Srikandi dan Armada Bahagian Bersatu Sabah.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Bersatu dalam rangka lawatan sehari di Sabah hari ini.

Terdahulu, beliau mengadakan perjumpaan dengan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dan kemudian menteri kabinet Sabah di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah di sini.

Beliau yang diringi isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba dari Kuching Sarawak pagi tadi selepas menghadiri sambutan Hari Malaysia malam tadi.

Dr Mahathir dijangka berlepas balik ke Kuala Lumpur petang ini.

- Bernama

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/492247>